# TRANSFORMASI PENYELIDIKAN DALAM BIDANG PENGAJIAN ISLAM

**Editor:**

**KHADHER AHMAD**
**SEDEK ARIFFIN**

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITY OF MALAYA
*The Leader in Research & Innovation*

ELEMAN KRITIS DAN PENYELESAIAN MASALAH DALAM ILMU USUL FIQH
Noor Naemah Abd Rahman
Mohd Rahimin Affandi Abd Rahim
Abdul Muiz ... 873

WARNA MERAH DAN KAITAN DENGAN SIFAT MARAH DALAM PERSPEKTIF HADITH: SATU ANALISIS AWAL
Khadher Ahmad
Dr. Munirah @ Monika Abd Razzak
Thuraya Ahmad ... 881

*TARBIYAH RABBANIYYAH* (PENDIDIKAN RABBANI) MENURUT AL-QUR'AN: ANALISIS KONSEPTUAL DALAM KARYA-KARYA TAFSIR MUKTABAR
Muhamad Alihanafiah Norasid
Prof. Madya Dr. Mustaffa Abdullah ... 895

SUMBANGAN MASYARAKAT TERHADAP KELESTARIAN TULISAN JAWI: TINJAUAN TERHADAP RANCANGAN "MAHIR JAWI" DI TV9 DARI PERSPEKTIF MURID S.R.I SERI AL-QARI
Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid ... 907

KONSEP KEPIMPINAN TA'DIBI DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM : SATU ANALISIS
Ahmad Sukari Bin Mohamad
Mohd Nizam Bin Sahad ... 917

*AL-HIMA* SEBAGAI SISTEM KONSERVASI SUMBER ASLI DAN BIODIVERSITI
Mohd Istajib bin Mokhtar ... 931

# SUMBANGAN MASYARAKAT TERHADAP KELESTARIAN TULISAN JAWI: TINJAUAN TERHADAP RANCANGAN "MAHIR JAWI" DI TV9 DARI PERSPEKTIF MURID S.R.I SERI AL-QARI.

Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid[1]

***Abstrak***

*Tulisan ini membincangkan latarbelakang dan perkembangan tulisan Jawi dalam masyarakat Melayu serta cabaran yang dihadapinya dalam era moden. Dengan perkembangan teknologi dan kaedah penyampaian maklumat semasa usaha penyebaran dan pemupukan kecintaan terhadap tulisan Jawi dapat dipupuk kembali dalam jiwa masyarakat melalui program TV. Kertas ini merupakan hasil kajian lapangan terhadap minat dan sambutan pelajar Sekolah Rendah Islam Seri al-Qari mengenai program "Mahir Jawi" yang dikenadalikan oleh TV9. Data-data yang dipungut melalui temubual dan pemerhatian langsung terhadap aktiviti dan minat murid dalam penguasaan tulisan Jawi melalui program tersebut.*

## Pendahuluan

Malaysia telah berkembang maju seiring dengan Wawasan 2020 yang telah disasarkan selama ini, namun semakin Berjaya sesebuah Negara semakin banyak nilai budaya yang ditinggalkan. sebagai Masalah penguasaan Jawi dalam kalangan murid-murid menjadi isu hangat yang diperkatakan pada masa sekarang. Penguasaan pelajar dalam Jawi adalah penting untuk membantu penguasaan mereka dalam mata pelajaran pendidikan islam. Ini kerana penerbitan buku teks Pendidikan Islam adalah dalam tulisan Jawi.

Perkataan yang baik umpama pohon yang baik, akarnya mencengkam tanah, pohonnya menjulang ke langit, ia menghasilkan buahnya pada setiap musim. Intisari maksud ini dipetik dari ayat al-Quran iaitu dari Surah Ibrahim ayat 24 dan 25 yang bermaksud: "Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Dia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran)".

Ayat ini boleh dijadikan sebagai suatu perumpamaan tentang tulisan Jawi. Bahasa melayu ibarat pohon, dan tulisan Jawi adalah akarnya. Tanpa akar maka matilah pohon, tetapi akar boleh hidup tanpa pohon. Bahasa Melayu wujud kerana tulisan Jawi dan membina kekuatannya pada zaman kegemilangan kesusasteraan Melayu yang pada dasarnya menggunakan tulisan Jawi dalam sebarang urusan, namun setelah itu beralih menggunakan bahasa Melayu. Walaubagaimanapun, inilah factor yang menjadikan tulisan Jawi tetap bertahan merentasi perubahan zaman.Tulisan Jawi dapat menarik perhatian pengkaji-pengkaji dari timur dan barat. Malah Shellabear pernah menyatakan kekaguman beliau terhadap tulisan Jawi dalam penulisan beliau tentang keseragaman ejaan Jawi sebelum abad ke 17 Masihi. Selain beliau, nama-nama lain ialah pujangga Melayu Raja Ali